

25 APR 1998

DPMM - Tabung

DPMM MAHU TABUNG PEMULIHAN USAHAWAN KEKAL

IPOH, 25 April (Bernama) -- Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) akan membuat permohonan kepada kerajaan supaya Tabung Pemulihan Usahawan dengan dana berjumlah RM500 juta, dikekalkan, kata Timbalan Yang Dipertuanya, Datuk Dr Adam Harun hari ini.

Menurutnya, surat permohonan itu akan dihantar kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak lama lagi.

"DPMM meminta kerajaan mengekalkan tabung itu serta meminta dananya ditambah bagi memulihkan ramai usahawan bumiputera yang terjejas ekoran kegawatan ekonomi sekarang", katanya ketika berucap pada perasmian mesyuarat agung tahunan ke-22 Dewan Perniagaan Melayu Malaysia cawangan Perak di sini petang ini.

Dr Adam bagaimanapun berkata, ramai usahawan Melayu belum mengambil peluang yang disediakan oleh kerajaan melalui pelbagai tabung yang disediakan seperti Tabung Industri Kecil dan Sederhana berjumlah RM1 bilion, Tabung Industri Makanan serta Skim Pembiayaan Kredit.

Sehubungan itu beliau meminta DPMM negeri-negeri memainkan peranan lebih pro-aktif memberi penerangan kepada ahli masing-masing mengenai bantuan-bantuan yang disediakan untuk mereka.

Dr Adam juga berkata, DPMM pusat juga akan mengedar maklumat terperinci mengenai Tabung Pendidikan Tan Sri Yahya Ahmad, iaitu pembiayaan awal kepada pelajar-pelajar miskin yang berjaya melanjutkan pelajaran ke pusat pengajian tinggi, tidak lama lagi.

DPMM menyediakan peruntukan awal RM250,000 bagi tujuan itu yang diyakini dapat meringankan beban pelajar miskin yang layak ke pusat-pusat pengajian tinggi, tambah beliau.

Sementara itu, Yang Di Pertua DPMM Perak, Datuk Haji Mohamed Hamdan Hazizi berkata, dewan itu akan mengenalpasti ahli yang mempunyai perniagaan yang besar dan berjaya untuk membantu dewan membimbing usahawan baru.

Menurutnya, sejak dewan itu dipulihkan tiga tahun lepas selepas digantung kerana krisis kepimpinan, ia telah berjaya mendapat pelbagai projek besar kerajaan.

Kerajaan Negeri katanya, memberi sebidang tanah seluas 100 hektar di Tronoh kepada Dewan Perak untuk dijadikan Taman Industri Kecil dan Sederhana selain bersetuju kepada penyertaannya dengan Perak Corporation Bhd bagi penswastan Lembaga Air Perak.

-- BERNAMA

LAT WAT